

Dalam Negeri

Lambaian Kaa'

Kelancaran IT di Tanah Suci keutamaan Tabung Haji

**MOHD
TURMADZI
MADUN**

Melaporkan dari
Mekah



MEKAH: Tabung Haji (TH) akan menggunakan beberapa rangkaian bagi memastikan kelancaran proses berkaitan teknologi maklumat (IT) kepada lebih 31,600 bakal jemaah haji Malaysia terutama ketika berdepan kesesakan talian pada waktu puncak.

Pengarah Operasi Teknologi Maklumat Musim Haji 1444H, Shahidan Ishak berkata, cabaran utama berkaitan IT ialah kestabilan rangkaian sistem yang digunakan ketika di operasi masyair (kemuncak) di beberapa kawasan seperti Mina, Muzdalifah dan Arafah.

Katanya, bagi menangani masalah itu, pihaknya akan menggunakan beberapa rangkaian yang mana ia akan menyuraikan kesesakan trafik *online* terutama ketika kesemua jemaah menggunakan aplikasi utama iaitu Thjari, haji mobiliti dan e-



SHAHIDAN Ishak (tengah) memerhatikan petugas IT TH membuat pemeriksaan maklumat bakal jemaah haji menggunakan sistem IT yang dikemaskini sejak tiba di Mekah.

bimbingan secara serentak.

“Pertambahan jemaah sudah pasti akan membuatkan rangkaian tidak stabil dan penggunaan beberapa talian akan menyelesaikan masalah itu. Operasi di sini ditumpukan di bangunan ibu pejabat Abraj Janadriah, hospital dan rangkaian TH.

“Bakal jemaah haji dinasihat-

kan memuat turun dua aplikasi itu ketika berada di tanah air lagi bagi mengelakkan timbulnya masalah ketika masing-masing sudah berada di tanah suci,” katanya dalam sidang akbar di sini.

Menurut Shahidan, petugas TH yang diselenggara oleh 21 petugas termasuk empat pakar

daripada syarikat persekutu Theta Edge berperanan memastikan rangkaian sistem dan masalah berkaitan perkakasan komputer dapat diatasi dengan pantas.

Tambahnya, warga emas yang mempunyai masalah berkaitan IT boleh meminta ahli keluarga memuat turun aplikasi tersebut di Malaysia dan mereka akan dibantu sekiranya berdepan masalah menggunakan aplikasi itu di tanah suci.

“Aplikasi yang mula digunakan pada tahun lalu itu telah ditambah baik berdasarkan maklum balas daripada jemaah haji bagi memastikan keberkesanan operasi haji,” katanya.

Jelas Shahidan, pasukannya yang dijadualkan pulang pada 2 Ogos ini selepas tiba pada 12 Mei lalu akan bekerja sepanjang tempoh musim haji tanpa henti.

Katanya, operasi IT di sini amat kritikal bagi mendukung kelancaran operasi dan penggunaan data dan rangkaian oleh semua petugas di bahagian lain seperti masyair, maktab, perubatan dan sebagainya.